



PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEBERANG PERAI SELATAN

KENYATAAN TAWARAN

Ruj. Kami:PDTSPS/03/0776/12/RUMAH/2023/4

Tarikh : April 2023

KENYATAAN SEBUT HARGA : NO. SIRI PDTSPS 20/2023

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred G1 dan memiliki Taraf Bumiputera di Daerah Seberang Perai Selatan serta telah mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kerja-kerja yang mempunyai kategori G pengkhususan G1-BE- B04 (Bumiputera).
2. Taklimat atau lawatan tapak bagi Sebutharga ini akan diadakan oleh PDTSPS pada tarikh 5 April 2023 (Rabu) bertempat di Dewan Serbaguna Jawi,SPS. Pendaftaran adalah bermula pada pukul **9.00 pagi hingga 10.00 pagi**. Kehadiran kontraktor adalah **diwajibkan** dan **wakil adalah tidak dibenarkan**.
3. Dokumen Sebut harga boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan di laman web <http://ep.penang.gov.my> melalui akaun masing-masing.
4. Borang Sebut harga hendaklah disertakan bersama-sama dokumen seperti dibawah:
 - a) Borang Sebut harga
 - b) Salinan Sijil CIDB (sah tempoh laku)
 - c) Salinan Penyata Kewangan Syarikat (3 bulan terakhir)
 - d) Salinan Resit Pembelian Dokumen Sebut harga
 - e) Profil Syarikat
5. Sekiranya dokumen di para 4 tidak disertakan bersama borang Sebut Harga maka, borang tersebut akan **DITOLAK**.
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **12 April 2023 pada jam 12.00 tengah hari**. Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis No. Sebut Harga **PDTSPS 20/2023** dan Tajuk Sebut Harga di alamat seperti berikut:

Bahagian Pembangunan Daerah
Blok A, Tingkat 1
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan

(MUHAILI BINTI MAT SAAD)

Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p Pegawai Daerah
Seberang Perai Selatan